

20 OCT 2001

Keng Yaik-Perkapalan

K'JAAN MINTA PENGEKSPORT SEWA KAPAL KE PAKISTAN DAN ASIA BARAT

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan meminta pengeksport minyak sawit menyewa kapal-kapal untuk menghantar produk mereka ke Pakistan dan Asia Barat jika syarikat-syarikat perkapalan tidak mahu belayar ke rantau itu ataupun kos insurans yang dikenakan oleh mereka terlalu mahal.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, kerajaan akan memberikan perlindungan insurans jika syarikat-syarikat insurans mengenakan premium yang tinggi kerana risiko perang menyebabkan syarikat-syarikat perkapalan itu pula tidak mahu menggunakan laluan itu.

Caj fret telah meningkat dengan signifikan dengan premium risiko perang dikenakan terhadap syarikat-syarikat perkapalan ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept yang disusuli oleh tindak balas Amerika dengan menyerang Afghanistan pada 7 Okt.

Ekoran perkembangan itu, kapal-kapal tidak mahu belayar ke rantau itu dan ini telah menjejaskan teruk eksport minyak sawit Malaysia ke rantau itu sehingga 20 peratus daripada jumlah eksport negara sebanyak 2.3 juta tan metrik.

Dr Lim berkata Kabinet dalam mesyuarat mingguannya pada Rabu telah bersetuju yang para pengeksport harus menyewa kapal dan kerajaan akan memberi perlindungan insurans bagi kapal-kapal itu jika premium risiko perang adalah terlalu mahal.

"Jika tiada siapapun mahu menyediakan perlindungan insurans ataupun premium yang diminta terlalu tinggi, kerajaan akan memberi perlindungan insurans kepada kapal-kapal untuk memastikan minyak sawit kita sampai ke Pakistan dan Asia Barat," Dr Lim, yang juga presiden Gerakan berkata demikian di persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan jawatankuasa pusat parti itu, di sini, hari ini.

Lim berkata beliau akan mengadakan sesi dialog bersama ejen-ejen perkapalan dan pengeksport minyak sawit tempatan untuk membincangkan pendirian kerajaan dan meminta para pengeksport untuk menyewa kapal.

Mengenai hal parti, Dr Lim berkata Gerakan berharap kerajaan akan memulakan persidangan kebangsaan mengenai keganasan bagi semua parti politik termasuk pembangkang dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) untuk membincangkan keganasan dan aktiviti militan di negara ini.

"Kita perlu mengenal pasti titik tumpuan terhadap keganasan dan gerakan militan di negara ini. Kita tidak akan menyokong apa-apa bentuk gerakan militan di negara ini," katanya.

Dr Lim berkata Gerakan menyokong seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan diadakan untuk mengenal pasti dan mentakrif siapa dia itu penganas.

"Terdapat kekeliruan antara pengganas dan mereka yang memperjuangkan kebebasan," katanya.

Dr Lim juga berkata, yang parti itu mahu Amerika Syarikat dan sekutunya mengkaji semula tindakannya terhadap Afghanistan sekarang ini.

"Walaupun kita tidak setuju dengan perbuatan pengganas, perbuatan mengebom sesuka hati di Afghanistan yang menyebabkan kematian mereka yang tidak bersalah perlu dikaji semula oleh Amerika Syarikat," katanya.

Mengenai hal lain, Dr Lim berkata parti itu akan menumpukan dalam membantu Industri Kecil dan Sederhana (SMIs), pekebun kecil dan peniaga-peniaga kecil untuk menempuhi segala cabaran yang dibawa oleh persekitaran ekonomi global sekarang ini.

Dr Lim berkata, biro ekonomi Gerakan akan menumpukan pada menggalakkan

SMI, pekebun kecil dan ahli-ahli perniagaan untuk berkembang dan mempelbagaikan produk mereka ke pasaran antarabangsa dan juga meneliti masalah pemasaran dan kewangan mereka.

"Kami mahu menaikkan pendapatan pekebun kecil dan gerakan akan memberikan maklumbalasnya kepada pelbagai Kementerian mengenai masalah yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan ini," katanya.

-- BERNAMA

DC DC PR